

01/08/2003

Semua cawangan Umno diarah bersedia hadapi pilihan raya

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno mengarahkan semua cawangan dan bahagian parti itu mengadakan persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka perlu mengadakan latihan dan ujian sebagai sebahagian daripada persediaan menghadapi pilihan raya.

"Kita sudah menentukan supaya Umno membuat persediaan untuk pilihan raya dan bahagian serta cawangan perlu ada latihan membiasakan petugas Umno bergerak dengan sempurna (ketika pilihan raya)," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat parti itu di sini, semalam.

Beliau berkata, latihan itu akan membolehkan anggota parti dan petugas Umno menjalankan tugas pilihan raya dengan licin.

MT juga katanya, bersetuju supaya semua bakal calon parti itu mengisytiharkan harta mereka secara rasmi sebelum bertanding pada pilihan raya.

Perdana Menteri juga berkata, mesyuarat itu turut mengingatkan ahli MT mengenai pentingnya melakukan tanggungjawab bersama dalam parti.

Katanya, semua ahli MT bertanggungjawab terhadap sesuatu yang dilakukan sekarang atau yang dilakukan pemimpin yang sudah tidak ada bersama mereka lagi.

"Ini adalah prinsip penting. MT menerima bahawa mereka semua bertanggungjawab kepada segala yang dilakukan," katanya.

Ditanya apakah yang menyebabkan isu tanggungjawab bersama itu dibangkitkan, beliau berkata:

"Ya... kadang-kadang ada yang berkata ini bukan dilakukan olehnya tapi orang lain yang melakukan. Tapi orang lain itu juga datang daripada parti.

"Jadi kita tak boleh melepaskan diri daripada apa juga kesalahan atau kebaikan yang dilakukan pihak lain dalam parti," katanya yang enggan memberi contoh mengenai apa yang beliau maksudkan itu sambil meminta pemberita memikirkannya sendiri.

Mengenai apakah peringatan beliau itu satu perkara baru, Dr Mahathir berkata, beliau perlu mengingatkan ahli atas dasar sentiasa ingat mengingati.

"Kita orang yang mudah lupa, Melayu mudah lupa," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai siasatan dalaman Umno berhubung dakwaan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, ada skandal dalam pemberian konsesi balak membabitkan pemimpin Umno Pahang.

Beliau berkata, setakat ini, beliau tidak menerima sebarang berita daripada Umno Pahang yang dikatakan sudah menyelesaikan siasatan dalaman parti berhubung dakwaan Fauzi.

"Saya tidak tahu apa yang berlaku, dengan itu (dakwaan Fauzi). Mungkin ada tindakan susulan. Saya tidak terima apa-apa berita mengenainya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, siasatan akan dijalankan terhadap pembalakan secara berleluasa oleh Kerajaan Pas Kelantan dan Terengganu hingga menyebabkan pembalakan turut dijalankan di kawasan yang tidak seharusnya ditebang.

"Pas, dia bagi kepada ahli dia. Balak di Terengganu diberikan kepada ahli dia. Tempat tidak boleh balak pun, dia balak. Yang banyak bagi balak kepada ahli sendiri ialah Pas. Inilah kerajaan Pas," katanya.

Beliau diminta mengulas laporan laman web Malaysiakini.com semalam bahawa Fauzi mendakwa, siasatan dalaman Umno berhubung dakwaannya sudah selesai dan terpulang kepada kepimpinan Umno untuk mengumumkannya.

Fauzi membuat laporan polis dua tahun lalu yang mendakwa ada kecacatan dalam pemberian konsesi pembalakan oleh bekas Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, MT percaya ada ahli parti politik termasuk Umno terbabit dalam Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM) kerana terpedaya dengan tipu helah pertubuhan berkenaan.

Beliau berkata, Umno percaya ada ahli parti itu terbabit tetapi jumlahnya tidak ramai.

"Mereka yang terbabit dalam PKPM dipercayai terpedaya dengan pelbagai tawaran dan janji menarik yang diberikan.

"Mereka juga terpedaya kerana ada tawaran naik pangkat, boleh pegang jawatan itu, jawatan ini, boleh pakai medal... jadi seronok juga," katanya.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, turut memberi taklimat mengenai PKPM.

Mengenai tindakan yang akan dikenakan Umno terhadap anggotanya yang terbabit dalam PKPM, beliau berkata, ia belum ditentukan kerana parti itu perlu mendapatkan lebih banyak penjelasan mengenai pergerakan berkenaan.

"Kita belum tentukan tindakan yang akan diambil. Kalau mereka menyertai dengan mengetahui tujuan gerakan ini dan mereka terus menyertainya, itu memerlukan tindakan yang lain," katanya.

Mengulas cadangan Pas supaya kerajaan mengeluarkan kertas putih mengenai PKPM, Perdana Menteri berkata, ketika ini kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenainya.

"Pada ketika ini kita belum buat keputusan kerana kita belum tahu apa dia badan ini... sama ada ia militan ataupun tidak. Setakat yang kita tahu tidak ada bukti yang mereka terbabit dengan gerakan militan lain," katanya.